

**GARIS PANDUAN BAGI POTONGAN PERBELANJAAN DI BAWAH
PERENGGAN 34(6)(m) DAN 34(6)(ma) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
BAGI MAKSUD PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN**

1. Objektif

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan kriteria kelayakan, perbelanjaan yang dibenarkan dan pengiraan cukai pendapatan suatu syarikat yang melakukan perbelanjaan untuk mendapatkan sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal di bawah perenggan 34(6)(ma) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan syarikat yang melakukan perbelanjaan untuk mendapatkan akreditasi di bawah perenggan 34(6)(m) ACP 1967.

2. Latar Belakang

Perbelanjaan untuk memperolehi sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal bukan merupakan perbelanjaan yang dilakukan di dalam menghasilkan pendapatan yang layak diberi potongan cukai di bawah ACP 1967. Oleh itu, mulai tahun taksiran 2001 peruntukan khas di bawah perenggan 34(6)(m) ACP 1967 diperkenalkan untuk membenarkan perbelanjaan tersebut diberi potongan cukai.

Dalam usaha untuk meningkatkan daya saing produk keluaran tempatan di pasaran global khususnya produk halal, amaun yang layak diberi potongan cukai ditingkatkan kepada dua kali ganda di bawah perenggan 34(6)(ma) ACP 1967 yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2005.

Bagi menggalakkan penubuhan makmal pengujian dan tentukuran atau menjadi Badan Pensijilan yang diakredit oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM), perenggan 34(6)(m) ACP 1967 telah dipinda. Mulai tahun taksiran 2004, suatu syarikat layak menuntut potongan cukai bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan bagi memperolehi akreditasi untuk sebuah makmal pengujian atau sebagai Badan Pensijilan.

3. Syarat Kelayakan

3.1 Perenggan 34(6)(m) ACP 1967

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi memperoleh akreditasi untuk sebuah makmal pengujian atau sebagai badan pensijilan dibenarkan sebagai potongan cukai dengan syarat akreditasi ini dibuktikan dengan sijil yang dikeluarkan oleh JSM.

3.2 Perenggan 34(6)(ma) ACP 1967

Perbelanjaan yang dilakukan untuk tujuan memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal dibenarkan sebagai potongan cukai dua kali ganda dengan syarat perakuan sijil mestilah daripada Badan Pensijilan yang telah ditentukan oleh Menteri.

3.3 Bagi kedua-dua perenggan di atas, perbelanjaan yang dituntut adalah dibenarkan dalam tempoh asas di mana sijil perakuan itu dikeluarkan. Jika proses mendapatkan perakuan melibatkan suatu tempoh yang melebihi satu tempoh asas, maka perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh asas sebelum sijil perakuan itu dikeluarkan akan disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas di mana sijil perakuan dikeluarkan.

3.4 Pada masa kini terdapat tiga skim akreditasi oleh JSM:

- i. Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM);
- ii. *Scheme for the Accreditation of Certification Bodies* (ACB); dan
- iii. *Malaysia Inspection Bodies Accreditation Scheme* (MIBAS).

3.5 Terdapat tiga Badan Pensijilan yang telah ditentukan oleh Menteri sebagai Agensi Pengeluar Sijil Perakuan Halal:

- i. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- ii. Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri
- iii. Majlis-Majlis Agama Islam Negeri

3.6 Lapan jenis Badan Pensijilan yang telah diakredit oleh JSM di bawah Skim ACB bertujuan mengeluarkan sijil perakuan sistem kualiti dan standard adalah seperti berikut:

- i. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
- ii. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)
- iii. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pensijilan Produk (PC)
- iv. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)
- v. Badan Pensijilan Yang Telah Diakredit Di Bawah Program Sistem Pensijilan *Hazard Analysis And Critical Control Point* (HACCP)
- vi. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan(FSMS)
- vii. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pengurusan Hutan (FMC)
- viii. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
- ix. Badan Pensijilan Yang Diakredit Di Bawah Program Pensijilan Individu (PERSONNEL).

Senarai nama syarikat yang telah diberi sijil perakuan sistem kualiti dan standard bagi tempoh tertentu akan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh JSM dan akan dipaparkan dalam Laman Sesawang LHDNM dan juga Laman Sesawang JSM.

4. **Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Cukai Dua Kali Ganda-Perenggan 34(6)(ma) ACP 1967**

- 4.1 Perbelanjaan yang boleh diberi potongan cukai hendaklah yang bukan berbentuk perbelanjaan modal dan dilakukan khusus bagi tujuan memperolehi sijil perakuan sistem kualiti dan standard dari JSM serta sijil halal daripada senarai Badan Pensijilan yang ditentukan oleh Menteri.

4.2 Jumlah yang dibenarkan potongan adalah jumlah yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan yang telah diakredit yang telah ditentukan oleh Menteri.

4.3 Yuran-yuran asas semasa yang dibenarkan potongan dua kali adalah:

- i. Yuran permohonan
- ii. Yuran tahunan (untuk tahun pertama sahaja)
- iii. Yuran taksiran (*assessment fee*)
- iv. Lain-lain yuran yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan untuk mendapatkan akreditasi iaitu **sebelum** sijil perakuan sistem kualiti dan standard dan sijil halal diperolehi.

4.4 Pada amnya setelah sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal diperolehi, apa-apa perbelanjaan yuran dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya hanya dibenarkan potongan di bawah seksyen 33(1) ACP 1967 adalah termasuk:

- i. Perbelanjaan pengawasan tahunan (*annual surveillance fee*). Perbelanjaan ini adalah untuk memastikan syarikat secara berterusan mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Standard Malaysia selepas pengiktirafan diperolehi.
- ii. Yuran pembaharuan tahunan
- iii. Yuran taksiran semula (*re-assessment fee*)
Sebelum tempoh sijil perakuan luput, yuran taksiran semula dikenakan bagi penilaian semula.
- iv. Lain-lain yuran yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan **selepas** sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal diperolehi.

5. **Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Cukai (Sekali) - Perenggan 34(6)(m) ACP 1967**

5.1 Perbelanjaan yang boleh diberi potongan hendaklah yang bukan berbentuk perbelanjaan modal dan dilakukan khusus bagi tujuan memperolehi sijil perakuan akreditasi untuk sebuah makmal pengujian

atau sebagai Badan Pensijilan yang dikeluarkan oleh JSM. Jumlah yang dibenarkan potongan adalah bersamaan jumlah yang dikenakan oleh JSM.

- 5.2 Perbelanjaan yang dibenarkan potongan adalah yuran asas semasa, yuran yang dikenakan oleh JSM **sebelum** dan **selepas** sijil perakuan dikeluarkan oleh JSM. Jenis-jenis yuran adalah sama seperti tersebut di perenggan 4.3 dan 4.4 di atas.

6. Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan - Perenggan 34(6)(ma) Dan Perenggan 34(6)(m) ACP 1967

- i. Perbelanjaan yang berkaitan dengan konsultasi seperti perjalanan, penginapan dan makanan untuk mendapatkan sijil perakuan tersebut;
- ii. Latihan kepada pekerja bagi proses untuk mendapatkan sijil perakuan tersebut; dan
- iii. Lain-lain perbelanjaan yang dilakukan bagi tujuan memperolehi sijil perakuan dan akreditasi dan amaun perbelanjaan tersebut adalah jumlah yang tidak dikenakan oleh JSM.

7. Pengiraan Cukai

Syarikat boleh menuntut perbelanjaan yang dibenarkan di bawah perenggan 34(6)(ma) dan 34(6)(m) ACP 1967 di dalam akaun untung rugi. Perbelanjaan itu boleh dibenarkan tolakan di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.

Contoh 1:

Syarikat Amal Sihat Sdn Bhd berjaya memperolehi sijil perakuan sistem kualiti dan standard pada 10 Oktober 2010 di bawah program akreditasi *Food Safety Management System* (FSMS) oleh Badan Pensijilan yang telah diakredit oleh JSM. Untuk memperolehi sijil perakuan tersebut, syarikat telah melakukan perbelanjaan berikut dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010 kecuali yuran permohonan dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2009. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

<u>Perbelanjaan</u>	<u>RM</u>
Yuran permohonan	5,000
Yuran tahunan	5,000
Yuran taksiran [3 @ RM1,000]	3,000
Yuran konsultansi	4,000
Latihan untuk pekerja	3,000
Jumlah	<u>20,000</u>

Di bawah perenggan 34(6)(ma) ACP 1967, Syarikat Amal Sihat Sdn Bhd hanya layak diberi potongan cukai dua kali ganda bagi yuran permohonan, yuran tahunan dan yuran taksiran berjumlah RM26,000 [RM13,000 x 2] dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010. Perbelanjaan yuran permohonan yang dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2009 disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010 di mana sijil perakuan itu dikeluarkan. Tiada apa-apa potongan diberikan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2009. Perbelanjaan konsultansi dan latihan merupakan perbelanjaan yang tidak layak diberi potongan cukai.

Contoh 2:

Selepas memperolehi sijil perakuan sistem kualiti dan standard pada 10 Oktober 2010, Syarikat Amal Sihat Sdn Bhd telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM6,000 bagi yuran pembaharuan tahunan dan perbelanjaan pengawasan tahunan (dua kali dalam setahun) dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2011.

*Syarikat hanya boleh menuntut **potongan cukai bersamaan dengan perbelanjaan** yang dilakukan berjumlah RM6,000 dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2011.*

Contoh 3:

Atomik Sdn Bhd telah melakukan perbelanjaan bagi mendapatkan sijil perakuan akreditasi untuk sebuah makmal pengujian di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) oleh JSM sebanyak RM6,200 dalam tahun 2010 dan RM10,000 dalam tahun 2011. Atomik Sdn Bhd berjaya mendapatkan akreditasi

itu dan JSM telah mengeluarkan sijil perakuan akreditasi pada 1 November 2011. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

*Di bawah perenggan 34(6)(m) ACP 1967, syarikat hanya boleh menuntut **potongan cukai bersamaan dengan perbelanjaan** berjumlah RM16,200 dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2011. Perbelanjaan berjumlah RM6,200 yang dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010 disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2011 di mana sijil perakuan akreditasi itu dikeluarkan.*

Contoh 4:

Meriah Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 21 Mei 2010, syarikat berjaya memperolehi sijil perakuan akreditasi sebagai suatu Badan Pensijilan untuk aktiviti **produk pengguna** di bawah skim akreditasi MIBAS oleh JSM. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, syarikat telah melakukan perbelanjaan pengawasan tahunan, yuran pembaharuan tahunan, yuran pentadbiran untuk pindaan sijil, yuran permohonan untuk tambahan skop yang berjumlah RM4,500. Semua perbelanjaan tersebut telah dikenakan oleh JSM. Di samping itu perbelanjaan sebanyak RM3,000 untuk konsultansi dan latihan kepada pekerja bagi penerangan berkaitan aktiviti produk pengguna dilakukan dalam tahun 2011.

Syarikat layak menuntut potongan cukai bersamaan dengan perbelanjaan berjumlah RM4,500 dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2011. Perbelanjaan untuk konsultansi dan latihan kepada pekerja berjumlah RM3,000 tidak layak diberi potongan cukai bagi tahun taksiran 2011.

8. Prosedur Tuntutan

Tuntutan ke atas potongan perbelanjaan di bawah perenggan 34(6)(m) dan 34(6)(ma) ACP 1967 hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan.

9.1 Syarikat tidak perlu memohon kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kerana tiada borang permohonan yang perlu diisikan.

- 9.2 Tuntutan potongan cukai hendaklah dibuktikan melalui sijil perakuan yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia atau Badan Pensijilan yang telah diiktiraf oleh Menteri.
- 9.3 Sijil tersebut dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan potongan cukai hendaklah disimpan dengan baik oleh syarikat yang menuntut dan dikemukakan apabila dikehendaki oleh pegawai LHDNM bagi tujuan audit.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

13 Mac 2012

S.K.: LHDN.01/35/(S)/42/51/286-29